

**UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
SESI TAKLIMAT PELUANG-PELUANG PAKEJ KERJA
DAN PEMBIAYAAN DI BAWAH PROJEK
LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH**

14 FEBRUARI 2017

**AUDITORIUM
KOMPLEKS KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SABAH
KOTA KINABALU, SABAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima Kasih Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak Bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Bin Md Taha

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Embok Masek Bin Md Taher

Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Datuk Haji Osman Bin Haji Jamal

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah

Yang Berusaha Ir. Haji Amrullah Kamal

Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah

Yang Berbahagia Dato' Haji Ruji Bin Ubi

Pegawai Kemajuan Negeri Sabah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berusaha En Zureen bin Zubir

Setiausaha

Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)Kementerian Kerja Raya

Yang Berusaha Ir. Shahelmey Yahya

Ketua Pegawai Eksekutif

Borneo Highway PDP Sendirian Berhad

Pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah,

Pemimpin-pemimpin Persatuan Kontraktor dan Usahawan peringkat Kebangsaan dan Negeri Sabah,

Wakil-wakil daripada institusi-institusi perbankan komersil,

Dif-dif jemputan, Wakil-wakil media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berhimpun pada hari ini untuk sesi Taklimat Peluang-Peluang Pakej Kerja dan Pembiayaan di Bawah Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah.
2. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan, Kementerian Kerja Raya selaku penganjur sesi taklimat Projek Pan Borneo bersama-sama dengan kontraktor-

kontraktor bumiputera di Sabah, syarikat Borneo Highway PDP Sdn Bhd selaku rakan pelaksana atau *Project Delivery Partner* (PDP), dan Credit Guarantee Corporation (CGC), selaku syarikat pembiayaan projek-projek di bawah naungan Bank Negara Malaysia.

3. Tidak lupa juga terima kasih kepada dif-dif Jemputan, Tuan-tuan dan Puan-puan kerana dapat meluangkan masa untuk bersama-sama dalam program ini.
4. Program kita pagi ini, merupakan satu platform yang jelas membuktikan sokongan kuat dan keperihatinan pihak Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap keterlibatan semua pihak terutamanya kontraktor dan pembekal Bumiputera dalam pembangunan infrastruktur serta industri pembinaan negara terutamanya di negeri Sabah.
5. Diharapkan sesi taklimat ini dapat memberi gambaran jelas mengenai peluang-peluang kerja projek mega Kerajaan seperti Projek Lebuhraya Pan Borneo.

Rancangan Malaysia Ke-11 (2016 – 2020).

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Pada 21 Mei 2015 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) iaitu bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 yang merupakan fasa akhir pelan hala tuju pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.
7. RMKe-11 ini lebih menjurus kepada “pertumbuhan berpaksikan rakyat” dan merupakan pusingan akhir (*final lap*) perancangan 5 tahun Kerajaan sebelum kita mencapai status negara maju seperti mana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020.
8. Kementerian Kerja Raya (KKR) merancang untuk terus melaksanakan projek-projek infrastruktur untuk kesejahteraan rakyat. Di dalam RMKe-11, terdapat 6 Teras Strategik, 31 Bidang Fokus Utama (BFU) dan 122 strategi. KKR terlibat secara langsung bagi semua Teras Strategik iaitu:

- Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Masyarakat Yang Saksama;
- Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat;
- Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju;
- Menuju Ke Arah Pertumbuhan Hijau Bagi Meningkatkan Kemampanan Dan Daya Tahan;
- Memperkukuh Infrastruktur Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi; dan
- Merekayasa Ekonomi Untuk Peningkatan Kemakmuran

Projek Berkeutamaan dalam RMKe-11

9. Selaras dengan Teras Strategik Ke-5 RMKe-11, Memperkukuh Infrastruktur Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi, di bawah Bidang Fokus Utama : Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu berdasarkan keperluan & menjana pertumbuhan logistik dan fasilitasi perdagangan, beberapa projek berimpak tinggi akan diteruskan pelaksanaannya, seperti, :
 - a) Lebu Raya Pan Borneo
 - b) Central Spine Road
 - c) Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai
 - d) Lebuhraya Pantai Barat (WCE)
 - e) Rangkaian Jalan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (RAPID) Johor.

10. Bagi melaksanakan projek-projek yang dirancangkan ini, Kerajaan sebagaimana Bajet 2017 yang dibentangkan YAB Perdana Menteri pada 21 Oktober 2016 tahun lalu telah memperuntukkan kepada Kementerian Kerja Raya di bawah **Bajet Pembangunan bagi Rolling Plan 2 (RP2) RMKe-11 untuk tahun 2017-2018, sebanyak RM4.896 bilion** yang terdiri daripada:
 - **21 projek baru bernilai RM4.009 bilion** dengan peruntukan bagi tahun 2017 sebanyak **RM0.171 bilion**; dan

- **179 projek sambungan bernilai RM29.920 bilion** dengan peruntukan bagi tahun 2017 sebanyak **RM4.725** termasuk RM2.050 bilion untuk peruntukan pinjaman mudah Kerajaan (GSL).

11. Daripada angka-angka yang saya sebutkan tadi, **bagi negeri Sabah, terdapat 36 projek yang terdiri daripada 10 projek baru dan 26 projek sambungan yang bernilai RM3.881 billion diperuntukkan untuk pelbagai projek di Sabah di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya.** Projek-projek ini terdiri daripada kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf jalan serta kerja-kerja pembaikan cerun. Antara projek berimpak tinggi yang boleh saya sebutkan ialah :
 - a. Menaiktaraf Jalan Lok Kawi- Pengalat- Papar; dan
 - b. Menaiktaraf Jalan Lintas, Kota Kinabalu Fasa 2
12. Kesemua projek-projek yang saya nyatakan tadi dilaksanakan dalam RMKe-11 mengikut keutamaan, berdasarkan projek janji Pilihan Raya (Walkabout), Pelan Induk Jalan (Highway Network Development Plan- HNDP) dan keutamaan Kerajaan Negeri melalui '*engagement*' saya dan KKR bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Projek Lebuhraya Pan Borneo

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Fokus perjumpaan kita pada hari ini, tidak lain dan tidak bukan ialah mengenai projek Lebuhraya Pan Borneo. Projek ini dibahagikan kepada dua komponen mengikut negeri iaitu Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak sepanjang 1,089 km dan **Lebuhraya Pan Borneo di Sabah sepanjang 1,236 km.**
14. **Untuk negeri Sarawak**, ia melibatkan melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (dual carriageway) sepanjang 1,089 km dari Sematan hingga ke Lawas. Keseluruhan jajaran tersebut adalah termasuk jajaran yang telah dinaiktaraf kepada empat lorong dua hala sepanjang 164 km di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dan baki 925 km projek ini dilaksanakan secara dua fasa.

15. **Bagi Lebuhraya Pan Borneo di Sabah pula**, projek ini melibatkan jajaran sepanjang 1,236 km di mana sepanjang 117 km daripada jajaran tersebut telah dinaiktaraf kepada 4 lorong 2 hala di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dan bakinya dilaksanakan secara berfasa dengan fasa pertama sepanjang 706km akan dilaksanakan menggunakan model rakan pelaksana projek (*'Project Delivery Partner' – PDP*).
16. Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. (BHPSB) telah dilantik oleh Kerajaan sebagai rakan pelaksana projek (*'Project Delivery Partner' – PDP*) bagi negeri Sabah pada 11 April 2016 tahun lalu. Ini bermakna peranan PDP ialah sebagai pengurus projek iaitu *'one stop accountability centre'* yang bertanggungjawab memastikan projek dapat disiapkan mengikut kos, kualiti dan tempoh pembinaan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Keseluruhan fasa pertama akan mengambil tempoh selama lima tahun iaitu dijangka siap pada penghujung tahun 2021.

Faedah Dan Manfaat Pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah

Para hadirin yang saya hormati,

17. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah akan memberi faedah dan manfaat kepada penduduk negeri Sabah seperti berikut:
 - i. projek ini akan menjadi pemangkin kepada lonjakan baru demografi sosio ekonomi negeri Sabah mencakupi peningkatan kualiti hidup, pembangunan koridor ekonomi baharu dan membuka peluang-peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat setempat;
 - ii. projek ini akan memberikan keselesaan dan meningkatkan tahap keselamatan di samping dapat menjimatkan masa perjalanan pengguna lebuhraya ini kelak;
 - iii. projek ini akan menjadi *'Game Changer'* kepada landskap pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah dan Sarawak. Projek ini berupaya mengulangi

kejayaan (*success story*) projek-projek lebuhraya raya di Semenanjung Malaysia yang telah berjaya mentransformasikan pembangunan di kawasan sekitarnya. Strategi utama Kerajaan adalah supaya Lebuhraya Pan Borneo ini akan memperkukuh dan memperluaskan rangkaian jalan raya bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak;

- iv. projek ini perlu dilihat daripada aspek yang lebih luas terutama daripada segi 'value chain' di mana peluang-peluang penglibatan dapat diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan Sabah daripada pelbagai peringkat pelaksanaan samada sebagai perunding atau *consultant, vendor*, pembekal mahupun kontraktor. Projek ini akan menjadi platform untuk melahirkan lebih ramai tenaga berkemahiran tinggi di kalangan anak tempatan negeri Sabah. Di samping itu, projek ini juga membuka pintu kepada lebih banyak pelaburan di wilayah koridor Sabah dan ini bertepatan dengan misi dan objektif mempromosikan keseimbangan di antara wilayah, bandar dan luar bandar. Dalam masa yang sama, penambahbaikan dalam konteks perkhidmatan logistik dapat dipertingkatkan khususnya bagi pelaburan sedia ada yang telah dikenal pasti di bawah Sabah Economic and Development Authority (SEDIA); dan
- v. bagi memantapkan keupayaan keusahawanan pula, para kontraktor boleh menyertai program latihan yang telah disediakan khusus untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang perniagaan terutama di sektor pembinaan ke arah membantu melonjakkan kuasa ekonomi semua yang terlibat. Terdapat juga pelbagai agensi Kerajaan yang menyediakan kemudahan pembiayaan kewangan untuk membantu kontraktor dan pembekal dalam mengembangkan perniagaan mereka. Antaranya seperti Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana atau Small Medium Enterprise Development Bank (SME Bank), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PNUB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), institusi-institusi kewangan komersil dan sebagainya lagi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Untuk makluman, kehadiran saya ke Sabah ini bagi merealisasikan impian membina Lebuhraya Pan Borneo ini bukanlah kali pertama. Selain daripada beberapa pakej yang telah dilancarkan dan lawatan turut padang bagi meninjau kemajuan projek, saya turut serta dalam sesi engagement dengan pemimpin tempatan. Pada 12 November tahun lalu, satu sesi penerangan sebegini telah diadakan kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah.
19. Hari ini saya jejakkan lagi kaki saya ke Sabah untuk bertemu tuan-tuan dan puan-puan pula. Saya difahamkan selepas ucapan saya ini ada satu sesi khas yang akan disampaikan pihak PDP iaitu Borneo Highway PDP Sendirian Berhad mengenai peluang-peluang perniagaan dalam projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah khusus untuk kontraktor Bumiputera tempatan. Ini satu usaha yang amat saya sokong dan berharap para kontraktor Bumiputera dapat memberikan perhatian dan mengambil peluang mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dalam sesi ini nanti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan Bumiputera

20. Izinkan saya mengambil sedikit masa, selain daripada projek-projek yang telah saya sebutkan tadi untuk memaklumkan usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan bagi pembangunan kontraktor dan usahawan Bumiputera.
21. Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya amat prihatin akan agenda bumiputera dalam pembangunan negara. Salah satu fungsi atau perkhidmatan teras Kementerian Kerja Raya adalah untuk membangunkan kemampuan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera untuk berdaya saing di pasaran terbuka. Sehubungan itu, Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU) di bawah Kementerian Kerja Raya untuk tujuan tersebut.
22. Antara program-program pembangunan kontraktor dan usahawan adalah:
 - i. Program Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi (KBBT) – program penyediaan pengkalan data kontraktor Bumiputera berprestasi tinggi yang mana boleh

dijadikan rujukan oleh Agensi Kerajaan di dalam membuat penilaian dan pengesyoran kontraktor di dalam proses perolehan terutamanya bagi panggilan semula tender projek sakit untuk disetujuterima.

ii. Penglibatan BPKU dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Dasar Agihan Program 'Carve Out' untuk membincangkan agihan projek serta menilai kontraktor-kontraktor bumiputera seperti Jawatankuasa Projek MRT Line 2 dan Jawatankuasa LRT 3

iii. Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) – satu program bantuan modal kewangan (wang pendahuluan) kepada kontraktor Bumiputera gred G1-G5 untuk memulakan **kerja kontrak Persekutuan yang diperolehi daripada JKR.**;

iv. Program Pembangunan dan Latihan Kontraktor dan Usahawan – program-program yang melibatkan kursus, lawatan teknikal, pameran perdagangan, khidmat masyarakat, program expo dan pameran;

dan

v. Program Vendor bahan binaan Bumiputera – program pendaftaran vendor bahan binaan Bumiputera untuk tujuan mewujudkan '*supply chain*' bahan binaan untuk kontraktor bumiputera yang mendapat projek Kerajaan. Selain itu, BPKU juga menyediakan platform untuk usahawan bertemu kontraktor seperti program '*match-making*', pameran produk dan pembentangan produk.

Penutup.

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Kementerian Kerja Raya amat komited untuk terus melaksanakan dan memperkukuh dasar sedia ada untuk terus memartabatkan industri pembinaan serta berdaya saing di peringkat global. Kita percaya industri pembinaan Negara akan

terus berkembang dan strategi tumpuan utama RMK-11 ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur berimpak tinggi.

24. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan sekali lagi kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) kerana sudi untuk menjemput saya ke program ini.
25. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa untuk menjayakan program ini. Besar harapan saya dengan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan ke program ini dapat meningkatkan lagi kerjasama antara Kerajaan dan industri dalam menjayakan projek-projek infrastruktur yang dirancangkan.
26. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **SESI TAKLIMAT PELUANG-PELUANG PAKEJ KERJA DAN PEMBIAYAAN DI BAWAH PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH.**

Sekian, wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.